

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran Enche Hussein Onn di-upachara merasmikan persidangan kebangsaan mengenai "Peranan Guru2 Dalam Melaksanakan Rukunegara di-Sekolah2" bertempat di-Dewan Fakulti Pendidikan, University Malaya pada 12.4.1971  
pukul 9.30 pagi.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada ahli2 Jawatankuasa Tadbir Kesatuan Kebangsaan Guru2 (NUT) kerana dapat mengadakan persidangan dua hari ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kerana penghormatan yang di-berikan kepada saya untok merasmikan Persidangan mengenai "Peranan Guru2 dalam Melaksanakan Rukunegara di-Sekolah2".

Tajok persidangan ini amat-lah sesuai oleh kerana Rukunegara akan menjamin perpaduan dan keharmonian negara kita, Malaysia. Kerajaan baru2 ini telah pun mengadakan Minggu Muhibbah dan Perpaduan dengan menitek beratkan perkara Rukunegara. Kementerian Pelajaran menjadikan Rukunegara satu daripada mata2 pelajaran yang di-ajar dalam sibik dari darjah 4 hingga ka-Tingkatan yang lebih tinggi. Juga di-tambah dengan pelajaran Perlembagaan Negara bagi penuntut2 Sekolah Menengah.

Dengan ada-nya pengajaran ini, maka saya perchaya usaha2 kita hendak membena satu Bangsa dan Negara Malaysia akan terchapai. Kepada guru2 sakalian dan juga kepada rakyat khas-nya, suka-lah saya mengingatkan mereka bahawa tugas memperkukuhkan Bangsa dan Negara ada-lah tanggung-jawab setiap raayat. Tugas ini memerlukan satu penyusunan dan pelaksanaan dasar dan ranchangan2 yang sempurna, dinamik, terjamin dan terator. Dari segi pelajaran, Kementerian saya pada ketika ini sedang giat mengadakan latehan2 semula dan latehan dalam perkhidmatan bagi guru2 dan pensharah2 supaya mereka dapat menguasai Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar yang utama di-sekolah2. Soal Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar yang utama tidak boleh di-persoalkan lagi, sebab ia-nya telah di-terima sebagai bahasa rasmi negara ini. Oleh itu ia-nya mesti-lah di-gunakan dengan seluas2-nya, termasuk-lah di-dalam pentadbiran Kerajaan setiap hari.

Ada ra'ayat kita yang mengaku sebagai warganegara Malaysia, tetapi tidak pula mereka itu amalkan apa yang sepatut-nya di-buat oleh tiap2 orang ra'ayat. Kapada ra'ayat saperti ini, saya berharap mereka akan berubah sikap dan sa-balek-nya buat serta amalkan-lah apa yang di-buat, di-kata dan di-kotakan oleh ra'ayat yang mempunyai ta'at setia yang tidak berbelah bagi hanya kapada Malaysia. Suka saya sebutkan di-sini bahawa segala kegiatan2 dalam bidang ekonomi, politik, pelajaran, kemasharakatan dan kebudayaan ada-lah di-selaraskan oleh Kerajaan dengan tujuan perpaduan Bangsa dan Negara. Ini-lah tugas yang mustahak; dan kita sekarang perlu memperkukuhkan keazaman Bangsa dan Negara kita. Guru2 dan ahli2 pendidik mempunyai peranan yang besar dalam hubungan ini; oleh itu mari-lah kita baharui tekad menuju kapada tujuan2 tertentu - ia-itu tujuan2 yang akan melahirkan kepentingan bersama dan perasaan keperibadian Bangsa yang sama.

Biasa-nya dalam chuti sekolah, banyak badan2 guru mengadakan Konggres, Persidangan, Seminar dan juga Kursus. Usaha2 ini saya sangat hargai dan jangan-lah hendak-nya selepas satu2 Persidangan, Konggres dan sebagainya, guru2 mengharapkan segala desakan mereka di-laksanakan segera oleh Kerajaan. Kerajaan akan mengkaji dan mempertimbangkan tentang perkara ini. Saya sa-memang berterima kaseh atas usaha mereka. Saya tidak terta'alok kapada penglaksanaannya, melainkan sa-sudah saya dan pegawai2 Kementerian saya memikirkan bahawa perkara itu menasabah dan memberi faedah kapada kemajuan pelajaran anak2 kita dan juga kapada profession guru2 itu sendiri.

Baru2 ini juga banyak saya terdengar dan membacha di-akhbar2 bahawa Kesatuan Guru2 menggesa Kerajaan melaksanakan segera laporan Surohanjaya Aziz. Dalam hal ini, suka-lah saya terangkan di-sini bahawa laporan awal (Interim Report) yang mengeshorkan tangga2 gaji baharu dan syarat2 perkhidmatan bagi guru2 saperti yang telah di-bahagikan kapada Kesatuan Guru2 telah siap di-kaji oleh Jawatankuasa Pegawai2 dan dengan itu di-harapkan tidak lama lagi Kerajaan akan

dapat membuat pengumuman berkenaan dengan tangga2 gaji baharu dan syarat2 perkhidmatan bagi guru2. Jadi saya berharap guru2 supaya bersabar dan saya mengaku di-sini bahawa segala usaha adalah di-buat untuk kebaikan guru2 sama ada dari segi kewangan mahu pun dari segi perjawatan dan profession mereka.

Saya mengikut perbincangan persidangan ini dan saya berharap ia-nya dapat memberikan sesuatu yang baik untuk kemajuan pelajaran generasi muda negara ini. Dalam persidangan ini, saya perchaya buah2 fikiran yang membena akan kedengaran. Sunggoh pun demikian, dan sesuai pula dengan tajok-nya 'Rukunegara', saya berharap guru2 sendiri akan mengamalkan perinsip2 Rukunegara itu. Guru2, terlebih dahulu, mesti-lah yakin dan perchaya bahawa melalui Rukunegara-lah Bangsa dan Negara kita, Malaysia akan mara kahadapan dengan aman dan ma'amor. Apa yang kita semua hendak ujukkan ia-lah satu Bangsa Malaysia dan bukan-nya bangsa2 yang di-katakan yang berasal dari berbagai kaum, ugama dan kebudayaan.

Apabila guru2 mengajar Rukunegara kepada anak2 kita, saya berharap guru2 akan memikirkan soal 'identity' kebangsaan dengan tidak menimbulkan perbedzaan di-antara ra'ayat bumiputera dan warganegara2 lain. Kapada guru2, suka saya mengingatkan, bahawa di-mana sahaja mereka mengajar, murid2 kita mesti-lah di-beri keterangan yang sa-dalam2-nya berkenaan Rukunegara dengan tujuan membena 'identity' kebangsaan ini.

Guru2 juga, saya berharap akan sedia memberi penjelasan ataupun penerangan dalam masa lapang mereka kapada ra'ayat di-tempat mereka bertugas akan tujuan dan hasrat Kerajaan membuat satu2 dasar dan melaksanakan satu2 projek. Dengan berbuat demikian maka tidak akan timbul seliseh faham atau salah pengertian di-kalangan ra'ayat jelata, tentang hasrat dan matlamat Kerajaan. Saya berharap guru2 akan menerima baik pandangan ini, oleh kerana

perbuatan mereka itu ada-lah sesuai dan juga sangat2 di-kehendaki.

Ini saya perchaya tidak membebankan kerja2 guru da-sekolah2.

Saya berharap persidangan ini akan memberikan pendapat2 yang membawa ka-arrah membaiki pelajaran Rukunegara. Akhir kata, saya ucapkan selamat bersidang.

Kementerian Pelajaran Malaysia  
Kuala Lumpur.  
12hb. April, 1971.



No. Siri	22
No. Penerimaan	22/80